



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD		
TARIKH	:	19/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	JMG		

Tiga hari siapkan kajian, laporan keadaan tanah

Ampang Jaya: Pihak berkuasa memerlukan sekurang-kurangnya tempoh tiga hari untuk melengkapkan kajian dan laporan teknikal keadaan tanah di Kemensah Heights, di sini, yang runtuh malam kelmarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kajian dilakukan Jabatan Mineral dan Geosains itu akan merumuskan sama ada kawasan terbabit selamat atau tidak untuk didiami.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Gombak merangkap Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata hasil kajian itu juga akan menentukan sama ada penduduk yang dipindahkan kerana runtuh tanah terbabit dapat kembali ke rumah mereka.

"Penduduk diharap dapat bersabar. Keutamaan kerajaan ketika ini adalah keselamatan mereka.

"Langkah segera yang akan

diambil dengan memasang besi penghadang untuk menghentikan pergerakan tanah dengan permohonan peruntukan segera dianggarkan RM1 juta sudah dimaklumkan kepada Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz," katanya selepas melawat lokasi kejadian, semalam.

Katanya, apabila pergerakan tanah dihentikan, pihak yang terbabit dapat menumpukan perhatian kepada proses menguatkan struktur lereng di kawasan kejadian.

"Setakat ini struktur rumah tidak terjejas, namun memerlukan tempoh untuk kajian keselamatan.

"Hanya aliran sungai di bahagian belakang yang terjejas akibat tanah runtuh," katanya.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Wan Md Razali Wan Ismail, berkata runtuhannya yang menjejaskan bahagian belakang 19 rumah teres dua tingkat itu diper-



Mohamed Azmin diberi taklimat oleh pegawai bomba mengenai kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

caya akibat pergerakan aliran air bawah tanah menyebabkan struktur tanah menggelongsor jam 9.30 malam kelmarin yang turut menyekat aliran sungai di bawah bukit daripada terus mengalir.

"Kita sedang giat memindah-

kan mangsa untuk ditempatkan di dewan orang ramai, malah kerja pencerunuan akan dilaksanakan pagi ini (semalam)," katanya.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata pihaknya sedang

meneliti jenis bantuan yang akan disalurkan kepada mangsa yang terjejas.

Beliau berkata, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) diarahkan untuk mengesan kemungkinan ada pencarum yang terbabit dalam kejadian itu.

"Saya perlu bincang dengan pihak berkuasa tempatan dan PERKESO terlebih dulu, jika mereka (mangsa) mencarum, kita akan teliti dan melihat keperluan boleh diberikan," katanya ketika ditemui, semalam.

BH kelmarin melaporkan, sebanyak 19 rumah teres dua tingkat didiami 28 keluarga di situ terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) susulan kejadian tanah runtuh.

Bagaimanapun, tiada mangsa dilaporkan cedera dalam kejadian itu.

Sepasukan anggota bomba yang tiba jam 9.44 malam kelmarin mendapati berlaku tanah runtuh yang menjejaskan bahagian belakang rumah mangsa.